

26/08/2003

Dr M sampai amanat penting 20 September

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat penting pada perhimpunan sempena sambutan perayaan ke-50 Barisan Nasional (BN) di Stadium Merdeka yang akan dihadiri 50,000 orang pada 20 September ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sambutan perayaan jubli emas bertemakan 'Kongsi Kuasa Kejayaan Malaysia' dihadiri wakil semua 14 parti komponen BN mewakili pelbagai kaum di negara ini.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, perayaan kali ini dijangka meriah selepas kejayaan BN memerintah hasil perkongsian kuasa selama 50 tahun, satu-satunya gabungan parti yang paling lama memerintah di dunia ini.

"Perkongsian kuasa ini berjaya kerana kerajaan BN dapat meyakinkan rakyat bahawa kerajaan ini mewakili semua kaum dan memegang kuat prinsip kerjasama, hormat menghormati dan berpegang kuat kepada semangat musyawarah," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Pengurusan BN, di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat dan Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting.

BN kini dianggotai 14 parti komponen iaitu Umno, MCA, MIC, Gerakan, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP), Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (Up-ko), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Parti Bersatu Sabah (PBS),

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, BN mengamalkan perbincangan bersama mengenai kerajaan dan parti serta mengambil keputusan berdasarkan permuafakatan.

Katanya, keputusan yang dibuat tidak berasaskan 'show of hand' atau mengambil kira bilangan yang lebih menang.

"Semua keputusan diambil oleh BN adalah hasil perbincangan bersama iaitu mengambil kira konsensus yang diamalkan selama ini. Kita tidak mengambil kira jumlah ahli dalam satu-satu parti sebaliknya keputusan di ambil hasil persetujuan majoriti 14 parti komponen.

"Parti kecil tidak pernah dipinggirkan, mereka bebas untuk turut serta berbincang dan memberikan pandangan masing-masing sebelum keputusan diambil," katanya.

Beliau berkata, perkongsian kuasa ini banyak membantu kejayaan BN membangunkan negara di samping mengekalkan perpaduan rakyat.

"Inilah prinsip yang dipegang kuat oleh BN dengan matlamat untuk kebaikan negara dan semua kaum. Kita tidak ada perbalahan mengenai perpaduan rakyat," katanya.